



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN

(UHMS1182-30)

REFLEKSI DIRI

LECTURER NAME:	HUSSAIN MAHMOD
SEC:	30
STUDENTS NAME :	NUR FATEHAH BT HAIROL NIZAM (A20EC0113)

(1) Apa yang telah kamu pelajari daripada kursus etika dan peradapan?

(10 markah) - 2 muka surat.

Apa yang saya dapat dari kursus ini ialah saya dapat memahami kepentingan etika dan peradaban di dalam kehidupan. Hal ini demikian kerana, etika dan peradaban menjadi titik tolak seseorang bagi menentukan kehidupan mereka. Tanpa etika dan peradaban dalam diri seseorang menyebabkan kehidupan mereka menjadi terumbang-ambing. Selain itu, saya juga mempelajari bahawa jika etika dan peradaban ini diamalkan, ianya dapat membentuk suasana aman dan harmoni kerana kita dapat saling memahami antara satu sama lain walaupun berbeza pendapat dan pahaman. Perbezaan bukanlah menjadi halangan utama bagi kita untuk terus menjadi sebuah masyarakat yang saling menghormati antara satu sama lain.

Dalam kursus ini juga membantu saya untuk berfikir terbuka dan melihat suatu aspek dari sudut yang lain. Ia juga membantu saya untuk cuba memahami dan menghayati masalah orang tanpa menjadi manusia yang menghukum sesuka hati. Kursus ini mengajar diri saya agar lebih memahami sejarah dan menghargai sejarah Malaysia. Hal ini demikian kerana, sejarah Malaysia ini penting kerana dengan adanya sejarah dapat merungkai identiti keunikan negara sendiri dan mengambil tahu tentang latar belakang Malaysia. Tanpa sejarah, diri ini akan menjadi alpa dan menyebabkan maruah sesebuah negara itu akan tergadai kerana mereka tidak mahu belajar akan kesilapan pada kepimpinan pemimpin terdahulu. Selain itu, kursus ini dapat meningkatkan lagi semangat patriotisme dalam diri saya. Sikap patriotisme ini perlu dijiwai dan bukan hanyalah untuk sekadar simbolik. Sikap ini tertanam dalam diri untuk melahirkan insan yang mencintai dan menghayati perjuangan negara.

Bukan itu sahaja, kursus ini membantu saya untuk menjadi lebih peka berkaitan dengan isu-isu semasa. Setiap kali kelas diadakan, pensyarah saya akan sentiasa membuka ruang kepada saya dan rakan-rakan yang lain untuk bertanya berkenaan isu-isu seperti isu Sultan mengisytiharkan darurat dan pelbagai tajuk yang menarik juga dapat disampaikan oleh beliau. Di dalam kursus ini juga dapat membaiki sosial skil dan memupuk semangat berpasukan dalam diri saya dengan melakukan aktiviti secara berkumpulan. Walaupun aktiviti ini tidak dapat dilaksanakan secara bersemuka tetapi kerja yang diberi dapat disiapkan pada waktu yang telah ditetapkan oleh pensyarah saya iaitu Encik Hussain Mahmood. Kursus ini juga membantu saya untuk membina keyakinan diri untuk bertanya dan membentangkan tajuk perbincangan kumpulan saya, “Keberkesanan Penggunaan Etika Dalam Bidang Kejuruteraan”. Di samping saya dan rakan sekumpulan membentangkan tajuk kami, kami juga dapat mendengar komen dan ulasan dari pensyarah kami tentang kualiti tajuk yang kami pilih dan menilai kebolehan

kami membentang . Dengan ini, kami dapat memperbaiki kelemahan yang ada pada kami dan akan terus menggilap lagi skill yang telah diperolehi. Bukan itu sahaja, kursus ini juga dapat membantu graduan untuk berfikir secara kreatif dalam melaksanakan tugas-tugas yang diberikan seperti tugas pembentangan. Dengan tugas pembentangan seperti ini , pensyarah dapat menilai kreativiti seorang graduan dengan melihat hasil kerja mereka, sebagaimana kualiti slide itu dihasilkan dan cara pembentangan itu dilakukan bagi menarik minat rakan sekelas yang lain untuk mendengar dan memberi tumpuan kepada mereka.

Kursus ini juga memberi saya serba sedikit tentang sejarah-sejarah dan peradaban negara-negara lain seperti sejarah rom dan peradaban di negara Jepun . Hal ini demikian kerana, setiap negara mempunyai sejarah dan tatacara yang berebeza bagi membantu ekonomi mereka membangun . Sudah terang lagi bersuluh etika dan peradaban itu memang dapat membantu menaik taraf ekonomi sesebuah negara. Ini telah terbukti yang sedang berlaku di Jepun, disebabkan tatacara kehidupan mereka yang amat mementingkan masa , negara menjadi antara negara paling termaju di dunia.

Kesimpulannya, kursus ini telah banyak memberi saya ilmu yang bermanfaat kepada diri dan rakan sekelas saya yang lain. Kursus ini juga telah mengajar saya ilmu yang baru dan mengajar saya untuk berfikiran terbuka.Oleh itu, sebagai seorang pelajar yang matang dan bijak ,kursus ini perlulah dihayati dan dipraktikan agar diri menjadi orang yang berprinsip dan berahlak mulia.

2) Bagaimana kamu boleh praktik atau amalkan perkara-perkara yang telah kamu telah pelajari pada kursus etika dan peradaban ini dalam kehidupan seharian?

(10 markah) - 2 muka surat.

Memahami etika dan peradaban boleh diadaptasi dengan mengamalkan sikap yang positif dikalangan rakan, keluarga dan masyarakat. Sebagai contoh, membantu rakan sekelas atau rakan sekuliah menyelesaikan masalah yang dialami seperti tidak memahami subjek yang dipelajari. Jadi sebagai seorang yang baik hati, kita mestilah menunjuk ajar mereka agar kita dapat beramal sambil mengulangkaji. Kesannya, hubungan sesama rakan dapat dieratkan. Oleh itu, kita mestilah tidak kedekut ilmu agar tidak dibenci oleh masyarakat kerana ilmu itu hanya pinjaman sekejap daripada Tuhan. Seterusnya, dengan mengamalkan peradaban dan etika dapat melahirkan suasana yang aman dan harmoni dengan berbaik sesama masyarakat. Memahami perbezaan agama, bangsa dan budaya mereka dan tidak mendiskriminasi mereka dengan mengeluarkan kata-kata yang tidak menyenangkan seperti keling, sepet, jakun dan sebagainya. Dengan ini boleh mendatangkan kemarahan dan sikap tidak puas hati kepada mereka. Kesannya, suasana aman dan harmoni tidak dapat dikekalkan dan akan mengalami berpecah belahan antara kaum. Oleh itu, kita seharusnya menerima perbezaan antara satu sama lain agar keharmonian antara kaum dapat dicapai.

Berfikiran terbuka antara salah satu yang saya pelajari dan boleh dipraktikan di dalam kehidupan seharian ketika melakukan kerja berkumpulan. Sebagai ketua kumpulan janganlah kita menolak idea-idea mereka secara mentah dan menganggap bahawa idea daripada diri kita sahaja yang boleh diguna pakai serta bernas. Bukan sahaja boleh menimbulkan kemarahan ahli kumpulan malah menjadikan punca utama mengapa diri sendiri tidak mempunyai kenalan yang rapat dengan diri dan tidak disenangi oleh orang sekeliling. Oleh itu, kita haruslah berfikiran terbuka dengan menerima pandangan dan teguran daripada pelbagai pihak agar dapat memperbaiki kualiti diri. Seterusnya, memahami dan mencintai sejarah Malaysia boleh dikaitkan dengan membaca bahan bacaan yang berkaitan dengan sejarah Malaysia dan melibatkan diri dalam pelbagai forum yang berkaitan dengan sejarah Malaysia. Dengan ini, dapat melahirkan belia intelektual dalam bidang sejarah dan meningkatkan kualiti Pendidikan di Malaysia. Justeru, sebagai seorang pelajar dan seorang penduduk Malaysia, kita haruslah memahami dan mencintai sejarah Malaysia agar sejarah negara kita ini tidak akan ditelan dik zaman seterusnya akan tertanam di dalam minda generasi yang akan datang. Patriotisme yang bermaksud perasaan cinta yang kuat terhadap tanah air itu boleh ditunjukkan dengan menghayati setiap rukun negara yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Rukun negara yang diwujudkan ketika itu menandakan bahawa Malaysia ini mempunyai prinsip dan mempunyai sistem pemerintahan yang stabil. Selain rukun negara, sebagai seorang rakyat Malaysia, sikap

patriotisme juka dapat diwujudkan dengan memahami dan menghayati sejarah Malaysia itu sendiri. Ini adalah antara sebab mengapa Kementerian Pendidikan Malaysia menetapkan subjek sejarah dan Bahasa Melayu wajib lulus dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Untuk pelajar universiti, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia mewajibkan setiap pelajar mengambil subjek etika dan penghayatan agar sikap patriotism itu terus tersemat di dalam jiwa anak-anak muda di zaman kini. Mengambil tahu isu-isu semasa dapat ditunjukkan dengan mengikuti berita atau khabar mengenai situasi di dalam negara kita lebih-lebih lagi di dalam situasi seperti sekarang yang berkait dengan Covid-19. Dengan ini dapat menambah lagi pengetahuan tentang perkara-perkara umum yang boleh membawa manfaat kepada diri. Ini menunjukkan bahawa dengan mengambil tahu isu semasa dapat meningkatkan lagi pemahaman tentang perkara umum seperti bagaimana pengumuman darurat yang dinyatakan oleh Agong baru-baru ini. Semangat berpasukan dapat diterapkan dengan melakukan tugas-tugas secara berkumpulan. Hal ini demikian kerana, dengan melakukan tugas seperti ini dapat melahirkan idea-idea baru dan menonjolkan kelebihan masing-masing. Selain itu, para graduan dapat menonjolkan kekreatifan masing-masing. Bekerja secara kumpulan itu lebih baik kerana idea-idea yang diterima daripada orang yang berbeza dan boleh menghasilkan sesuatu kualiti kerja yang memberangsangkan.

Memahami sejarah dan peradaban negara lain dapat ditunjukkan dengan mengambil perhatian sepenuhnya ketika dalam kuliah mengenai kerajaan rom dan sebagainya. Hal ini demikian kerana, kita jangan hanyalah mengambil tahu tentang sejarah negara kita sahaja. Kita seharusnya perlu keluar dan meneroka sejarah negara lain untuk dijadikan iktibar serta mengambil perkara yang boleh dicontohi. Bukan itu sahaja, dengan bermigrasi atau melancong ke negara-negara luar juga antara cara untuk memahami dan peradaban negara lain. Dengan masa yang lama atau singkat, kita dapat membandingkan sejarah dan peradaban negara kita dan negara lain. Kita juga dapat menanam sikap yang baik itu pada diri dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian kita.

Justeru, sudah terang lagi bersuluh bahawa perkara yang saya pelajari di dalam kursus ini dapat dipraktikkan dalam kehidupan seharian. Oleh itu kita sebagai seorang graduan kita mestilah menghayati dan memahami kursus Etika dan Penghayatan agar menjadi seorang graduan yang bijak berfikir.